

22/11/1998

Tanaman hidroponik pengikat kasih

Halmi Samad

SEJAK 1996, apabila Februari menjelang, jiwa Noorsiah Sahar Ariffin, merintih. Suaminya, Wan Lokman Datuk Paduka Wan Ibrahim, akan tiada di rumah. Lebih sebulan lamanya. Suaminya hanya akan kembali pertengahan Mac.

Kerana itu, tugas menjaga rumah sepenuhnya dipikul di bahunya. Tinggallah Noorsiah bersama anak-anak, Wan Amril Nurman, 22; Wan Imran Nurman, 18; Wan Khairil Nurman, 16 dan Wan Shahril Nurman, 16 (kedua-dua kembar) serta Wan Zan Nureen, 8.

Tetapi, Lokman tidak boleh dipersalahkan. Tugasnya selaku Pengerusi Eksekutif First Cartel (M) Sdn Bhd, memaksa dia berada di pejabat atau di jalanan sepanjang Februari sehingga pertengahan Mac.

Ini kerana pada waktu itu, Le Tour de Langkawi, perlumbaan lumba basikal jelajah ketiga terbesar di dunia, selepas Tour de France dan Giro d'Italia, sebagaimana diiktiraf Persekutuan Lumba Basikal Antarabangsa (UCI), diadakan di serata negara.

Oleh itu, dia harus memastikan perlumbaan itu berjalan lancar. Apatah lagi perlumbaan Le Tour de Langkawi tercetus hasil idea Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Demi memastikan yang terbaik, dia mengorbankan segala-galanya.

Bagaimanapun, dalam jiwa Lokman, kasih sayangnya terhadap keluarga, tetap mendalam. Dia tetap berpendapat isteri dan anaknya mengatasi segalanya!

"Saya sebenarnya seorang suami dan bapa yang penyayang. Dulu, saya jarang keluar rumah. Saya sentiasa ada rumah. Lepas kerja, terus balik. Tak pernah saya singgah mana-mana. Jarang sekali saya habiskan masa di luar. Rasanya lebih tenang di rumah, daripada di luar.

"Sekarang ini, jarang sekali dapat bermanja dengan anak. Saya sentiasa sibuk. Apatah lagi sekarang. Lebih-lebih lagi menjelang musim berlumba. Memandangkan musim Le Tour de Langkawi 1999 sudah hampir, saya ada di pejabat hampir 13 jam.

"Sibuk tidak terkata. Ada saja yang mahu dilakukan. Mesyuarat hampir setiap jam. Itu tidak termasuk pertemuan dengan penaja," kata Lokman ketika ditemui di rumahnya di Petaling Jaya, baru-baru ini.

Namun, dalam kesibukan tugasnya mengatur dan merencanakan perjalanan Le Tour de Langkawi, Lokman mempunyai satu cara untuk membuktikan kepada isteri dan anak betapa dia seorang bapa serta suami mithali.

Berbekalkan modal lebih RM3,000, dia menempah peralatan menanam sayur menggunakan teknologi hidroponik. Biarpun terlalu sibuk, dia akan menghabiskan masa sekurang-kurangnya sejam untuk menanam sayur hidroponik bersama keluarganya.

Kini, di belakang rumahnya, tersergam gah rumah plastik seluas 24x70 kaki. Segala-galanya ada di situ. Paling menarik, isterinya tidak lagi perlu membeli cili, tomato atau timun di kedai.

"Semuanya saya tanam. Saya tanam cili, tomato, timun dan peria. Sekarang, hampir setiap hari isteri saya terpaksa kutip cili masak. Kalau dibiarkan, ia akan busuk begitu saja," katanya.

Menyedari taktik untuk mengajak keluarganya berinteraksi menerusi kegiatan menanam sayuran agak berjaya, Lokman sudah memesan sebuah lagi rumah plastik untuk memperbesar operasi.

Untuk fasa tanaman kedua, dia berura-ura untuk menanam sayuran tertentu, khususnya bendi. Selain itu, dia turut menempah alat penyembur air automatik yang menggunakan teknologi Sweden.

"Alat penyembur air ini memang baik. Kita boleh tetapkan jadual menyiram sayur ikut selera sendiri. Apabila sampai masa, ia akan berjalan sendiri. Kitapun boleh guna cara manual," katanya.

Ketika menceritakan punca berbuat demikian, Lokman menerangkan seorang kawan asing menceritakan perihal tanaman hidroponik yang begitu popular di Eropah, khususnya di Belanda, Jerman, England dan Jepun.

Malah, katanya, ramai golongan eksekutif kanan di Eropah dan Jepun menggunakan pendekatan berkenaan untuk memastikan hubungan kekeluargaan tidak menjadi renggang.

"Apabila saya melawat negara Eropah, saya dapati kebanyakan pegawai kanan korporat memiliki pusat tanaman hidroponik. Saya tertarik dengan idea itu.

"Pada sekitar 1995, saya mula menanam hidroponik saya sendiri. Mula-mula saya tanam bersendirian. Lepas itu, saya ajak isteri dan anak.

"Lama-lama mereka jadi seronok. Sekarang ia jadi salah satu diari penting dalam keluarga ini. Biarpun selewat mana saya pulang, mereka pasti menanti untuk berkebun.

"Hari Ahad lebih meriah. Ada ketikanya kami akan menghabiskan masa berjam-jam dalam rumah plastik. Ia begitu menyeronokkan. Kadangkala sampai lupa masa," katanya.

Lantaran itu, Lokman, 52, yang dilahirkan di Jalan Wan Jah, Alor Star, Kedah, tidak merasakan dirinya bersalah atau mengabaikan tanggungjawab sebagai seorang suami dan bapa, walaupun berada di pejabat lebih 13 jam.

"Saya merasakan masa yang saya peruntukkan untuk keluarga saya lebih berkualiti. Ia lebih daripada menyeronokkan daripada menghadiri mesyuarat atau pertemuan peribadi," katanya.

(END)